

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (E) 11-2014

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat yang telah dilesenkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pahang di bawah seksyen 20(1) Akta Eksais 1976 untuk mengilang *grape wine*, *sparkling wine* dan *spirits*. Tarikh tamat lesen eksais ialah pada 31 Julai 2007. Perayu telah beberapa kali mengemukakan permohonan untuk memperbaharui lesen tersebut tetapi telah ditolak oleh JKDM.
2. Fakta menunjukkan Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Teruntum, Pahang telah menghantar surat sokongan bertarikh 27 Jun 2014 kepada JKDM, Pahang menyokong permohonan Perayu untuk mendapat balik lesen mengilang *grape wine*, *sparkling wine* dan *spirits* di bawah seksyen 20(1) Akta Eksais 1976. Melalui surat bertarikh 6 Ogos 2014, Pengarah Kastam Negeri, Pahang memaklumkan permohonan pembaharuan lesen mengilang oleh Perayu tidak dapat dipertimbangkan dan keputusan JKDM adalah selaras dengan pandangan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) yang tidak menyokong permohonan Perayu.
3. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan JKDM dan telah memfailkan rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 4 September 2014. Di dalam Notis Rayuan (Borang A), Perayu memohon untuk mendapat balik lesen mengilang eksais *grape wine*, *sparkling wine* dan *spirits* di bawah seksyen 20(1) Akta Eksais 1976.
4. Semasa prosiding pendengaran, Responden telah memaklumkan bahawa Perayu pernah memfailkan rayuan atas perkara yang sama di Tribunal Rayuan Kastam pada 28 Disember 2012 dan rayuan tersebut didaftarkan sebagai No. Rayuan TRK (E) 52-2012. Rayuan tersebut telah didengar pada 21 Januari 2013 di mana Tribunal telah membuat keputusan membatalkan rayuan Perayu atas alasan Tribunal tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan

Perayu. Ini adalah kerana rayuan Perayu adalah terhadap keputusan Menteri Kewangan bertarikh 27 September 2012. Mengikut seksyen 47(1) Akta Eksais 1976, Tribunal Rayuan Kastam hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Kastam.

ISU

1. Kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk membatalkan lesen di bawah seksyen 20(5) Akta Eksais 1976.
2. Sama ada surat Pengarah Kastam Negeri, Pahang bertarikh 6 Ogos 2014 adalah keputusan Ketua Pengarah Kastam bagi maksud seksyen 47(1) Akta Eksais 1976.
3. Sama ada Tribunal Rayuan Kastam mempunyai bidang kuasa mendengar rayuan ini kerana Menteri Kewangan telah membuat keputusan pada 27 September 2012 di atas perkara yang sama.

(Pada tarikh sebutan rayuan ini pada 23 September 2014, Responden telah berhujah bahawa Tribunal Rayuan Kastam tidak ada bidang kuasa untuk mendengar rayuan ini kerana Menteri Kewangan telah membuat keputusan di atas perkara yang sama sepertimana keputusan Tribunal di dalam No. Rayuan TRK (E) 52-2012. Perayu menerima hujahan Responden dan memaklumkan bahawa Perayu akan membuat rayuan kepada Menteri Kewangan. Seterusnya, Perayu menarik balik rayuan ini)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

23 September 2014